

27/02/2003

Minyak mungkin diguna untuk halang Amerika serang Iraq

Manja Ismail; Kadir Dikoh; Misiah Taib; Wan Esuriyanti Ahmad; Ridzuan  
KUALA LUMPUR: Mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di  
sini semalam mencapai konsensus untuk mengkaji kemungkinan menggunakan  
minyak sebagai senjata bagi menghalang serangan ke atas Iraq.

Pertemuan itu yang dihadiri 48 daripada 57 negara anggota termasuk 20  
ketua negara dan kerajaan, turut bersetuju supaya OIC bersepakat dengan  
negara yang membantah serangan terhadap Iraq terutama dari Eropah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mempengerusikan mesyuarat itu  
berkata, tidak ada perbezaan pendapat mengenai kajian kemungkinan  
penggunaan minyak bagi tujuan itu walaupun ada pendapat ia mungkin menjadi  
'senjata makan tuan' yang boleh memberi banyak kesan buruk.

"Tetapi jika kita tidak memikirkan mengenai perkara ini, kita tidak  
boleh mendapatkan pengaruh yang menyebelahi kita. Sudah tentu jika kita  
tidak tahu memanfaatkan senjata ini, jika kita secara sembarangan naikan  
harganya, kita mungkin menimbulkan kesan buruk. Sebab itu saya  
mencadangkan supaya kita fikirkan mengenainya.

"Ini kerana jika harga minyak naik, banyak negara Selatan akan menderita  
kerana ia negara miskin yang tidak mempunyai minyak sendiri," katanya pada  
sidang akhbar di Pusat Dagangan Dunia Putra selepas mesyuarat tertutup  
setengah hari itu, semalam.

Keputusan konsensus mengenai kemungkinan mengguna minyak, walaupun bukan  
pendirian rasmi OIC, dijangka membuka laluan kepada perbincangan lebih  
mendalam pada sidang kemuncak tergepar pertubuhan itu di Doha, Qatar pada  
4 dan 5 Mac ini.

Lebih separuh daripada minyak dunia dikeluarkan di negara anggota OIC  
seperti Arab Saudi, Iraq, Iran, Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia.

Turut hadir dalam mesyuarat semalam ialah negara anggota tidak tetap  
Majlis Keselamatan PBB - Pakistan dan Syria, masing-masing diwakili  
Presiden Pervez Musharraf dan Naib Presiden, Abdul Halim Khaddam.

Dr Mahathir yang dalam ucapannya selaku Pengerusi NAM Isnin lalu  
menyarankan perang diharamkan, berkata: "Mesyuarat ini amat berguna kerana  
banyak idea dan pandangan yang kita boleh fikirkan... buat masa sekarang  
kita tidak mempunyai keputusan khusus," katanya.

Diminta mengulas mengenai penggunaan minyak sebagai senjata, beliau  
berkata tiada persetujuan mengenai menggunakan minyak sebagai senjata,  
tetapi kata sepakat dicapai untuk memikirkan dengan mendalam kemungkinan  
itu.

"Mengenai perkara itu kita semua setuju. Kita bersetuju bahawa kita akan  
mengkajinya, kita bersetuju bahawa kita akan memikirkannya, kita tidak  
ketepikan cadangan itu," kata Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun berkata, serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq atau  
menggunakan minyak sebagai senjata oleh OIC akan menyebabkan harga minyak  
melambung, malah boleh mencecah ke paras AS\$50 setong.

"Jika keadaan itu berlaku, ekonomi dunia akan terjejas dan negara miskin  
yang tidak mampu membayar harga minyak akan menghadapi masalah.

"Pertumbuhan perdagangan dan ekonomi akan terjejas dan Amerika Syarikat  
sendiri akan terkena kesannya. Ini akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi  
dunia terhenti," katanya.